

Matrade lancar platform e-dagang dengan Alibaba

KUALA LUMPUR 1 Okt. - Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (Matrade) melancarkan program e-dagang dengan kerjasama syarikat terkemuka antarabangsa Alibaba yang bertujuan memacu pertumbuhan eksport perusahaan kecil dan sederhana (PKS) di peringkat antarabangsa.

Matrade berkata, menerusi usaha sama ini, program terbabit memberi peluang kepada PKS tempatan untuk meluaskan pasaran serta pelanggan dalam talian di seluruh dunia.

Katanya, bagi fasa pertama, Matrade menyasarkan sebanyak 2,625 PKS yang akan menyertai program ini.

“Platform e-dagang ini terbuka kepada pelbagai sektor antaranya sektor pembuatan serta perkhidmatan dan ia tertakluk kepada kriteria kelayakan.

“Untuk layak menyertai program ini, PKS perlu memenuhi definisi PKS iaitu mempunyai sekurang-kurangnya 60 peratus ekuiti Malaysia, diperbadankan di bawah Akta

Syarikat 1965, menyediakan produk dan perkhidmatan buatan Malaysia, mendaftar sebagai ahli Matrade dan mendapat penarafan sekurang-kurangnya empat bintang di bawah Penarafan Daya Saing PKS,” katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Tambahnya, PKS yang layak akan menerima e-baucar bernilai RM1,000 yang boleh digunakan untuk membuat pembayaran bagi yuran langganan pakej e-dagang Alibaba Global Gold yang bernilai RM2,000.